

Memorandum

No. Ruj. : USM.52/4 JLD.XLIV
Tarikh : 19 Ogos 2026
Kepada : Semua Staf dan Pesara
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 48 TAHUN 2026

- PEMAKLUMAN DASAR BAHARU BERKAITAN TEMPOH MENGEMUKAKAN TUNTUTAN DI BAWAH SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN KAKITANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Mesyuarat Penyelarasan Dasar Skim Kemudahan Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM) yang diadakan pada 13 Oktober 2022 telah memutuskan bahawa tuntutan bagi perbelanjaan rawatan yang dibuat pada tahun terdahulu dan dikemukakan pada tahun berikutnya boleh dipertimbangkan untuk bayaran, dengan syarat tuntutan tersebut dikemukakan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan daripada tarikh rawatan atau tarikh temu janji.

3. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira situasi tertentu yang mungkin dihadapi oleh staf dan pesara, Universiti telah bersetuju untuk menambah baik ketetapan tersebut. Sehubungan dengan itu, tuntutan yang melibatkan perbelanjaan pada tahun terdahulu dan dikemukakan pada tahun semasa masih boleh dipertimbangkan untuk bayaran sekiranya dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan pertama tahun semasa, tertakluk pada pematuhan semua syarat serta pengemukaan dokumen sokongan yang lengkap.

4. Bagi tuntutan yang dikemukakan selepas tempoh enam (6) bulan tersebut, permohonan hanya akan dipertimbangkan secara kes demi kes dengan kelulusan Naib Canselor. Pertimbangan tersebut adalah tertakluk kepada justifikasi yang munasabah, kukuh dan disokong oleh dokumen yang berkaitan bagi membuktikan sebab kelewatan pengemukaan tuntutan.

5. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, ketetapan ini terpakai kepada semua tuntutan yang dikemukakan mulai 1 September 2026, tanpa mengira tarikh rawatan atau perbelanjaan dibuat, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

6. Penambahbaikan dasar ini dilaksanakan bagi tujuan:

- i. meningkatkan kecekapan pengurusan tuntutan di bawah Skim Kemudahan Perubatan Kakitangan Universiti;
- ii. memastikan perancangan, pemantauan dan kawalan kewangan Universiti dapat dilaksanakan secara lebih cekap, teratur dan sistematik; dan
- iii. memberikan ruang pertimbangan yang sewajarnya kepada kes-kes yang melibatkan kelewatan atas sebab-sebab yang munasabah serta tidak dapat dielakkan.

7. Ketetapan baharu ini berkuat kuasa mulai **1 September 2026** dan terpakai kepada semua staf, dan pesara yang layak di bawah Skim Kemudahan Perubatan Kakitangan Universiti.

**PEMAKLUMAN DASAR BAHARU BERKAITAN TEMPOH MENGEMUKAKAN TUNTUTAN DI
BAWAH SKIM KEMUDAHAN PERUBATAN KAKITANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**


8. Kerjasama semua staf dan pesara dalam memastikan tuntutan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan amatlah dihargai bagi melancarkan pengurusan tuntutan serta memastikan peruntukan kewangan Universiti dapat diurus dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Pengarah
Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Pengarah
Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB) USM

Pengarah
Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan dan Pergigian)

Bendahari

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin

Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia
Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

Yang Dipertua
Kelab Jasa Budi
Universiti Sains Malaysia